

Kehilangan besar buat warga KPT

BESUT - Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh menyifatkan pemergian Allahyarham Dr Mohd Shahril Othman merupakan kehilangan seorang pensyarah berwibawa kepada kementeriannya.

Beliau berkata, pensyarah Fakulti Pengajian dan Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr Mohd Shahril Othman merupakan kehilangan seorang pensyarah berpengalaman dan bermotivasi tinggi dalam pendidikan Islam.

Menurutnya lagi, Allahyarham juga dikenali sebagai seorang yang komited dan

berbakat besar dalam tugasnya.

"Seluruh warga Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berkongsi kesedihan dengan keluarga Allahyarham," katanya kepada pemberita di Jerih tengah hari semalam.

Beliau kemudiannya menziarahi ibu Allahyarham, Siti Ramlah Sheikh Puteh di kediaman pensyarah tersebut di Wakaf Tembesu, Kuala Terengganu petang semalam.

Idris berkata, jenazah Allahyarham akan dibawa pulang ke Malaysia dan ketika ini masih berada di Hospital Oman.